



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

3 Disember 2021 / 28 Rabiul Akhir 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَىٰ عِبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عَوْجَأً، فَيَسِّمَا لِيُنْذِرَ بِأُسَاسًا شَدِيدًا مِنْ لَدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ نَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَىِ اللَّهِ³ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian untuk bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekalan yang terbaik untuk kebahagiaan hidup kita sama ada di dunia maupun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "**MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA**".

Sidang Jumaat sekalian,

Al-Quran ialah kalam Allah, kitab yang menjadi pedoman dan panduan umat sepanjang zaman, merupakan roh agama dan asas pengetahuan yang merangkumi kemanusiaan dan alam sejagat. Ia diturunkan secara mutawatir kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang bersifat mukjizat, mendapat pahala apabila dibaca, bermula daripada surah Al-Fatiha hingga surah An-Nas. Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda, daripada Sayidina Abdullah bin Mas'ud Radiyallahu 'Anhu:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ مَادِبَةُ اللَّهِ ، فَتَعْلَمُوا مِنْ مَآدِبِهِ مَا اسْتَطَعْتُمْ، إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ حَبْلُ اللَّهِ،
وَالثُّورُ الْمَبِينُ، وَالشَّفَاءُ النَّافِعُ، عِصْمَةٌ لِمَنْ تَمَسَّكَ بِهِ، وَنجَاهَةٌ لِمَنْ اتَّبَعَهُ، لَا يَرْبِعُ

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



فَيَسْتَغْتَبَ، وَلَا يَعْوِجُ فَيَقُومَ، وَلَا تَنْقَضِي عَجَائِهُ، وَلَا يَخْلُقُ عَنْ كُثْرَةِ الرَّدِّ، فَاتْلُوهُ فَإِنَّ
اللَّهَ يَأْجُرُكُمْ عَلَى تِلَاوَتِهِ بِكُلِّ حَرْفٍ عَشَرَ حَسَنَاتٍ، أَمَّا إِنِّي لَا أَقُولُ (الْمُ), وَلَكِنْ
بِالْأَلْفِ وَلَامِ وَمِيمٍ.

Bermaksud: "Al-Quran ini adalah hidangan Allah. Oleh itu, hadaplah hidangan Allah ini sepuas hati kamu. Al-Quran ini adalah tali Allah (cahaya yang menjadi petunjuk), cahaya yang terang dan ubat yang mujarab, pengawal bagi orang yang berpegang kepadanya, penyelamat bagi orang yang mengikutnya, sesiapa yang tersesat akan dipandunya, sesiapa yang menyimpang akan dibetulkan, keajaibannya tiada henti, keagungan dan kemanisan bacaannya tidak akan terjejas walau sekirap mana sekalipun diulang. Bacalah kerana Allah, kerana ia akan memberikan kamu ganjaran jika kamu membacanya setiap satu huruf sepuluh ganjaran. Saya tidak katakan Alif Laam Miim sebagai satu huruf, tetapi Alif (1 huruf) dan Laam (1 huruf) dan Miim (1 huruf)."

(Riwayat Ad-Darimi)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Satu keistimewaan al-Quran yang berlainan dengan kitab samawi yang lain ialah nasnya dipelihara oleh Allah SWT. Firman-Nya (surah al-Hijr ayat 9):

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ

Bermaksud: Sesungguhnya Kami yang telah menurunkan al-Quran dan hanyalah Kami pemeliharanya.

Sesungguhnya wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sentiasa dijaga dengan baik. Ketelitian menulis nas al-Quran dengan tepat sudah bermula sejak zaman Baginda lagi. Setiap kali menerima wahyu, Baginda akan mengarahkan ia ditulis oleh para sahabat Radiyallahu 'Anhum dalam kalangan penulis wahyu, antaranya Sayidina Zaid bin Thabit Radiyallahu 'Anhu. Dalam satu riwayat disebutkan bahawa Sayidina Zaid bin Thabit berkata: Aku pernah menulis wahyu di sisi Rasulullah SAW dan Baginda membaca kepadaku. Apabila aku selesai menulis, Baginda bersabda: "Bacalah kepadaku apa yang engkau tulis." Lalu aku membacanya. Jika terdapat kesalahan atau kalimah yang tidak ditulis, Baginda akan memperbetulkan. Kemudian aku bawa wahyu tersebut keluar untuk di baca kepadा manusia.

(Hadith riwayat At-Tobarani)



Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Pengumpulan al-Quran kali pertama berlaku pada zaman Sayidina Abu Bakar as-Siddiq Radiyallahu ‘Anhu, rentetan daripada syahidnya para sahabat, iaitu penghafaz al-Quran selepas peperangan al-Yamamah menentang golongan murtad. Tugas mengumpul dan menuis al-Quran telah diberi kepada dua orang sahabat iaitu Sayidina Umar bin al-Khattab Radiyallahu ‘Anhu dan Sayidina Zaid bin Thabit Radiyallahu ‘Anhu. Menurut Imam as-Sayuti, Sayidina Zaid bin Thabit Radiyallahu ‘Anhu tidak akan menerima ayat al-Quran yang ditunjukkan kepadanya kecuali dibawakan dua orang saksi bahawa ayat tersebut pernah ditulis di hadapan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dan bukan ditulis sekadar ingatan semata-mata.

Semasa pemerintahan Khalifah Sayidina Uthman bin Affan Radiyallahu ‘Anhu, apabila berlaku perselisihan bacaan al-Quran di kalangan umat, maka satu lajnah telah dibentuk, dianggotai oleh Sayidina Zaid bin Thabit, Sayidina Abdullah bin az-Zubair, Sayidina Sa’id bin al-'As dan Sayidina Abdur Rahman bin al-Harith untuk menyalin Mushaf. Mushaf-mushaf yang telah disalin ini kemudiannya dihantar ke kota-kota Islam bersama dengan seorang guru yang bertujuan untuk mengelakkan perselisihan bacaan di kalangan umat Islam.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Di Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah ditugaskan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan kawalan berkaitan dengan teks dan bahan al-Quran menerusi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks Al-Quran (Lajnah Taskeh Al-Quran) yang dianggotai 35 orang dalam kalangan para penghafaz al-Quran dan berkemahiran tinggi dalam penulisan al-Quran berperanan dalam memastikan ketepatan setiap ayat al-Quran sebelum dibenarkan untuk dicetak.

Hanya deraf yang menepati Resam Uthmani aliran Abu Daud Sulaiman bin Najah dan Abu Amru ad-Dani, Ilmu Dhobit aliran Khalil bin Ahmad al-Farahidi dan ulama' Masyariqah serta berteraskan mushaf yang diterbitkan di Madinah al-Munawwarah dan yang diterbit di Universiti al-Azhar, Mesir akan dibawa kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran bagi tujuan mendapatkan kelulusan cetak.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Dari aspek penguatkuasaan, pihak KDN di negeri-negeri akan menjalankan pemantauan berkala di premis-premis perniagaan, penaziran berjadual di syarikat penerbitan dan pencetakan serta pemeriksaan bersepadu berdasarkan aduan di mana-mana premis. Pihak



KDN juga mewajibkan setiap penerbit menggunakan kertas yang berkualiti untuk cetakan mushaf dan mesti mengikut garis panduan yang ditetapkan iaitu kaedah penandaan ayat atau bacaan, dan juga garis panduan penamaan judul mushaf bagi menjamin kualiti al-Quran. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan dan pemalsuan, setiap mushaf mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN sebagai bukti keabsahan cetakan mengikut kelulusan yang diputuskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran KDN.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴، الَّذِي عَلِمَ الْقُرْءَانَ ، خَلَقَ الْإِنْسَانَ ، عَلَمَهُ الْبَيَانَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶، أُوصِنُكُمْ وَإِيَّا يِ بتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقِنُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيٌّ كَيْتَهُو يُصَلُّونَ عَلَى الْأَنْبِيَاءِ يَأْتِيهَا الْدِينَ إِمَانُهُمْ صَلَوًا عَلَيْهِ وَسَلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ
قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِئْتُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ اجْعَلِ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قُلُوبِنَا، وَنُورَ صُدُورِنَا، وَجَلَاءَ هُمُومِنَا وَأَخْرَازِنَا، وَقَائِدَنَا إِلَى جَنَّاتِكَ
جَنَّاتِ النَّعِيمِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنِّي لِلَّادِنَا الْوَبَاءَ، وَاحْمِنَا مِنْ شَرِّ الْبَلَاءِ، وَأَنْزِلْ عَلَيْنَا الرَّحْمَةَ وَالشَّفَاءَ، وَاحْفَظْ
لِلَّادِنَا وَلِلَّادِ الْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِهِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.